

**SOALAN NO. 45****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL  
RAHMAN BIN MOHAMAD [LIPIS]**

**TARIKH : 31 JULAI 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah keseluruhan subsidi yang ditanggung Kerajaan dalam Projek Perumahan PPA1M (Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia) secara keseluruhan dan implikasinya terhadap golongan sasaran B40 dan M40.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PPA1M adalah satu skim rumah mampu milik untuk penjawat awam. Di bawah skim ini, harga rumah ditetapkan tidak melebihi RM300,000 seunit selepas ditolak subsidi.

Secara dasarnya, jumlah subsidi yang disediakan adalah sehingga 25% daripada harga sebenar. Subsidi ini diberikan untuk setiap unit rumah yang dibeli oleh penjawat awam. Nilai sebenar subsidi yang diberi adalah bergantung pada bilangan unit bagi sesuatu projek, jenis dan saiz/keluasan, harga sebenar setiap unit dan kumpulan sasar bagi unit yang ditawarkan.

Memandangkan penawaran rumah PPA1M diberi keutamaan kepada golongan yang berpendapatan bulanan RM10,000 ke bawah dan khasnya RM3,000 kebawah, ia sekaligus membantu kumpulan B40 dan M40 dari kalangan penjawat awam untuk memilik kediaman sendiri.

Sekian, terima kasih.